

SIDANG MEDIA
BAJET TAHUN 2011
Oleh
Y.BHG DATUK SERI AHMAD FUAD BIN ISMAIL
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
Pada 17 Disember 2010, Jam 8.00Malam

“KUALA LUMPUR BERSIH, SELESA DAN HIJAU”

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

A. PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat saya sekalilagi membentangkan Bajet DBKL bagi tahun 2011.
2. Tujuan sidang media ini diadakan adalah untuk memaklumkan kepada warga kota mengenai peruntukan bajet 2011 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti mana yang telah diluluskan oleh Y.B Menteri Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar pada 9 Disember 2010 selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 55 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.
3. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memikul tanggungjawab besar untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Maju dan Bandar Sejahtera. Persekitaran sosial yang mencabar dan pembangunan yang semakin pesat menuntut satu perancangan yang teliti agar segala perancangan dapat memenuhi citarasa wargakota dan keperluan pelanggan DBKL.
4. **Untuk itu, DBKL akan menyediakan Bajet 2011 dengan peruntukan sebanyak RM2.007billion. Dimana RM1.273 billion disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan RM734.0 juta pula adalah untuk Peruntukan Pembangunan.**

5. Bajet 2011, ini dirangka selaras dengan Pelan Strategik DBKL yang dijadikan halatuju pengurusan dan pembangunan Kuala Lumpur serta selari dengan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar.
6. Pelan Strategik DBKL mengariskan Lima (5) Matlamat dengan Tujuh Belas (17) Terasnya pula membentuk Kerangka Strategi kepada arah tuju tersebut. Lima Matlamat tersebut adalah :
 - i. **Bandaraya Milik Warga Kota (City For People)**
'Bermaksud wargakota yang mendapat serta menerima nikmat kesejahteraan bandar dalam bentuk persekitaran yang berkualiti dan mudah sampai, mengamalkan cara hidup sihat dan selamat, saling berhubung dan menghormati keunikan masing-masing serta harmoni'
 - ii. **Kemakmuran Ekonomi (Economic Prosperity)**
'Bermaksud kemakmuran ekonomi akan tercapai apabila ianya mapan, berdaya tahan dan berupaya menawarkan kepelbagaian jenis perniagaan. Selain dari itu wujud kesamarataan peluang dalam kegiatan ekonomi di kalangan warga kota serta keseimbangan pemilikan harta'
 - iii. **Bandaraya Saling Berhubung (Connected City)**
'Bermaksud bandar raya yang mempunyai rangkaian pengangkutan awam, jalan dan laluan pejalan kaki, kenderaan bermotor yang bersepadu dan mamuguna untuk kemudahsampaian warga kota ke kawasan perdagangan dan perkhidmatan serta boleh berhubung secara maya'
 - iv. **Bandaraya Eko (Eco City)**
'Bermaksud bandar raya yang mempunyai persekitaran yang sihat, kawasan hijau yang mencukupi dengan kualiti hidup tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang baik'
 - v. **Tadbir Urus Cekap dan Berkesan (Good Governance)**
'Bermaksud pentadbiran yang telus, bertanggungjawab, adil, cekap dan berkesan'

7. Selain Pelan Strategik yang diterangkan sebentar tadi, DBKL turut mengambil kira **Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020)**. Ini bagi memberi penekanan kepada keperluan untuk menyediakan kediaman yang mencukupi, selamat, sihat dan selesa untuk segenap lapisan masyarakat. Oleh itu aspek seperti Mempertingkatkan Lingkaran Hijau & Koridor Biru, Penggunaan Tanah yang Mampan dan Infrastruktur Hijau dijangka mampu memenuhi keperluan kepada **1.62** juta (2008) penduduk Kuala Lumpur dan dijangkakan akan bertambah kepada **2.2** juta orang menjelang tahun 2020.
8. DBKL turut mendakap Konsep 1Malaysia; Rakyat DiDahulukan, Pencapaian Diutamakan dengan berperanan untuk merealisasikan Pelan Transformasi Kerajaan atau GTP dan Pelan Transformasi Ekonomi Kerajaan atau ETP. Ini akan diterjemahkan melalui peranan Bandaraya untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Greater Kuala Lumpur/Klang Valley.

B. PRESTASI DAN CABARAN KEWANGAN DBKL TAHUN 2010

9. Padaawal tahun 2010, DBKL mempunyai lebih akaun semasa sebanyak **RM348.0** juta dandijangkakan sehingga akhir tahun 2010, jumlah ini akan meningkat kepada **RM979.0** juta.
10. Peningkatan ini disumbangkan melalui pelupusan pegangan terhadap beberapa hartanah DBKL dan bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan ditahun 2010, DBKL telah menumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan memastikan perbelanjaan diuruskan secara berhemat.
11. Ini diterjemahkan dengan langkah yang telah diambil oleh Pentadbiran DBKL dengan memastikan pematuhan ke atas skim pembayaran Caj Pembangunan dikuatkuasakan kepada pemaju yang ingin melaksanakan pembangunan di Kuala Lumpur.
12. Disamping itu, usaha-usaha untuk meningkatkan kutipan tunggakan hasil utama seperti Cukai Taksiran, Sewaan Harta DBKL dan Caj Pembangunan telah dipergiatkan melalui beberapa pendekatan. Ini termasuklah dengan menubuhkan pasukan **task force** khas bagi mengutip tunggakan cukai taksiran.

13. Bagi menepati hasrat bajet yang mesra rakyat, Kerajaan telah mengurangkan kadar lesen perniagaan sebanyak **50%** peratus kepada **67,049** penjaja-penjaja kecil di Kuala Lumpur. Ini melibatkan pengurangan hasil lesen sebanyak **RM8.8** juta setahun.
14. Bagi tahun 2011 juga, DBKL akan mengekalkan langkah yang sama untuk tidak menaikkan kadar tersebut, sebaliknya mulai 1 Januari 2011, DBKL akan mengurangkan **2%** kadar cukai taksiran bagi unit Pangsapuri Servis dan Pangsapuri di Bangunan Perdagangan.
15. Bagi pemilik kategori hartanah tersebut, iaitu di dalam kawasan 36 batu persegi akan menikmati pengurangan cukai taksiran dari kadar semasa **12%** kepada **10%** setahun. Manakala di luar kawasan 36 batu persegi akan dikurangkan dari **10%** kepada **8%** setahun. Sebanyak **18,816** unit Pangsapuri Servis dan Pangsapuri di Bangunan Perdagangan di **88** buah bangunan telah dikenalpasti bagi tujuan pengurangan cukai taksiran. Perkara ini akan melibatkan pengurangan hasil DBKL sebanyak **RM4.0** juta setahun.
16. DBKL turut melaksanakan projek-projek penswastaaan dengan tujuan untuk mengurangkan bebanan kewangan DBKL dalam melaksana program perumahan, pusat perdagangan, kemudahan awam dan rekreasi. Melalui projek penswastaaan juga dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya golongan setinggan dan berpendapatan rendah dengan menyediakan kediaman yang selesa dan mampu milik, pusat-pusat penjaja, dewan-dewan komuniti di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk khususnya Bumiputra. Antara projek-projek penswastaaan yang telah dilaksanakan termasuk pembangunan Bandar Mid Valley, Projek Perumahan dan Perdagangan Bandar Tun Razak, Bandar Tasik Permaisuri, Bandar Metro Prima Kepong dan Kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur.
17. Buat masa ini terdapat 21 projek penswastaaan dalam pelaksanaan yang akan memberi pulangan bukan sahaja dalam bentuk kewangan kepada DBKL tetapi juga dalam bentuk bangunan kediaman dan perdagangan bagi kegunaan

penduduk setempat. Antara projek yang terlibat adalah Projek Taman Aman Putra Kepong yang akan menyediakan **1,600** unit rumah kos rendah bagi penempatan semula penghuni rumah panjang dan setinggan, Projek Setapak Jaya Baru akan menyediakan pusat penjaja bagi menempatkan 36 penjaja sedia ada dan Projek Pembangunan Desa Tasik Sungai Besi yang akan menyediakan pusat penjaja untuk menempatkan 78 penjaja sedia ada.

18. Bagi projek-projek penswastan baru, penekanan akan diberikan kepada projek-projek yang boleh memberi manfaat kepada penduduk dengan menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti kompleks sukan, pusat komuniti, tempat letak kereta serta kawasan rekreasi.
19. Keupayaan DBKL dalam mengekalkan tahap perkhidmatan yang baik dan boleh memenuhi kehendak warga kota pada masa ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan yang disumbangkan melalui sumber-sumber hasil sedia ada dan penjualan hartanah milik DBKL. Walaubagaimanapun, untuk tahun-tahun mendatang, dikhuatiri DBKL akan menghadapi masalah kewangan untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan sedia ada sekiranya sumber-sumber kewangan tidak bertambah tetapi pada masa yang sama berlakunya peningkatan kos penyelenggaraan perkhidmatan perbandaran seperti pengurusan sisa pepejal, kos penyelenggaraan jalan dan kos bahan api
20. Oleh yang demikian, jika perlu DBKL akan melaksanakan penilaian semula kadar cukai taksiran berdasarkan pasaran semasa hartanah. Untuk makluman semua, DBKL tidak menaikkan kadar cukai taksiran semenjak tahun 1992 lagi.

C. STRATEGI BAJET 2011

21. Bajet 2011 kali ini adalah memfokuskan ***''Kuala Lumpur Bersih, Selesa dan Hijau''***. Ini selari dengan Visi DBKL iaitu *'Merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dengan menjadi PBT terunggul yang dapat memenuhi citarasa wargakota'* dan yang bercirikan Wilayah Persekutuan Maju serta Bandar Sejahtera.

22. Bagi menyelaraskan segala aktiviti yang dirancang selari dengan fokus *'Kuala Lumpur Bersih, Selesa dan Hijau'*, DBKL akan memberi penekanan kepada 5 strategi utama berikut :-

Pertama : Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan

Kedua : Mempertingkatkan Kebersihan Bandar

Ketiga : Memperkasakan Penyelenggaraan Infrastruktur Jalan, Saliran Dan Kemudahan Awam

Keempat : Mengutamakan Penyelenggaraan Dan Pembangunan Perumahan Awam/Rumah Jual; dan

Kelima : Mempergiatkan Program Penghijauan Dan Penyelenggaraan Taman-Taman Awam

STRATEGI PERTAMA : MEMPERKUKUHKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

23. Dalam mengemudi Bandaraya Kuala Lumpur menjadi Bandaraya bertaraf dunia, Pentadbiran DBKL berusaha memantapkan ***URUSTADBIR YANG CEKAP DAN BERKESAN*** dengan mengembelikan tenaga kakitangan yang kini mempunyai **10,809** penjawat awam. DBKL juga akan mengoptimumkan sistem penyampaian dimana penambahbaikan sentiasa diambil untuk mempertingkatkan produktiviti kepada orang awam. Dalam perancangan ini, DBKL telah mengambil beberapa langkah. Antaranya adalah seperti berikut :-

Penstrukturan Semula Organisasi

24. Penstrukturan Semula DBKL adalah untuk memantapkan struktur organisasi dan fungsi DBKL bagi menghadapi cabaran dan kompleksiti akibat arus pembangunan globalisasi dan liberalisasi serta ekspektasi masyarakat Kuala Lumpur yang tinggi terhadap DBKL. Antara cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh DBKL ialah:-

- i. Melaksanakan Pelan Struktur Kuala Lumpur;
 - ii. Menyediakan dan Melaksanakan Pelan Tempatan Kuala Lumpur;
 - iii. Mencapai Matlamat Gagasan 1 Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan':-
 - a. *National Key Result Areas (NKRA)*s); dan
 - b. *National Key Economics Areas (NKEA)*-(*Greater KL*)
 - iv. Melaksanakan Pelan Strategik DBKL;
 - v. Melaksanakan 7P dan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar; dan
 - vi. Program Penambahbaikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan dan Tadbir Urus iaitu;
 - a. Pelaksanaan MS ISO 9001: 2008;
 - b. Pelaksanaan Key Performance Indicator (KPI)
 - c. Pemantapan Fungsi Urusetia Pusat Setempat;
 - d. Penubuhan Pusat Pengurusan Aduan ('*Call Centre*'); dan
 - e. Pelaksanaan Pelan Strategik ICT DBKL.
25. Atas rasional yang telah dinyatakan tadi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan penstrukturan semula DBKL dengan mewujudkan 4 sektor utama dalam pentadbiran DBKL, iaitu; Sektor Perancangan, Sektor Pelaksanaan Projek & Penyenggaraan, Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi dan Sektor Pengurusan. Adalah diharapkan dengan penstrukturan semula ini, DBKL akan lebih responsif, mesra dan peka kepada kehendak dan citarasa wargakota.
26. Walaubagaimanapun, DBKL masih meneruskan perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi melaksanakan penstrukturan semula Fasa Kedua bagi memohon pengwujudan jawatan kenaikan pangkat Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Sokongan. Disamping itu juga, DBKL akan memohon pengwujudan jawatan Gred Lantikan bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Sokongan untuk menetapkan pegawai dan kakitangan dipelbagai skim dan gred ke Perjawatan Tetap.

27. Disamping itu, bagi memastikan DBKL mempunyai pegawai-pegawai yang cemerlang dan berkebolehan mengurus, DBKL berhasrat untuk melaksanakan '***talent search***' dikalangan penuntut-penuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang mempunyai pencapaian sekurang-kurangnya ***2nd Class Upper***.
28. DBKL juga akan menawarkan biasiswa pelajaran kepada anak kakitangan yang cemerlang bagimereka melanjutkan pengajian di dalam dan di luar negara. Pelajar-pelajar yang terpilih ini akan disyaratkan untuk berkhidmat dengan DBKL setelah tamat pengajiannya mereka.
29. Usaha ini selaras dengan keperluan DBKL untuk mendapatkan tenaga kerja yang kompeten dan pakar bagi menghadapi cabaran dan *ekspektasi* pelanggan dan *stakeholder* yang semakin kompleks pada masa kini.

Meningkatkan Kemahiran Kakitangan

30. Bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan serta produktiviti kakitangannya, Institut Latihan DBKL atau IDB yang terletak di Jalan Yaakob Latiff, Bandar Tun Razak akan mula beroperasi pada pertengahan 2011. IDB adalah pusat latihan yang efisien, efektif dan 'value for money' kepada DBKL kerana ianya dilengkapi dengan kemudahan bilik latihan, makmal komputer, dewan serbaguna dan dewan makan. IDB akan menganjurkan semua latihan dan kursus kepada kakitangan DBKL secara 'in house'.
31. IDB ini juga akan memainkan peranan penting dalam menerapkan budaya kerja yang kreatif dan inovatif di kalangan kakitangan DBKL agar matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dapat dicapai.
32. Bercakap tentang Inovasi, DBKL telah melancarkan Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Peringkat DBKL pada 24 November 2010 yang bertemakan '*Bebas Berinovasi*'. Di dalam konvensyen ini, sebelas (11) program inovasi telah dilahirkan oleh kakitangan DBKL. Membudayakan inovasi ini

sebagai satu cara untuk membentuk pegawai dan kakitangan yang dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

Membentuk Budaya Kerja Yang Telus Dan Bersistematik

33. Bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada kehendak dan ekspektasi pelanggan dan disamping mewujudkan satu standard sebagai **blueprint** yang boleh dijadikan rujukan serta alat pemantauan oleh pentadbiran DBKL, semua Jabatan di bawah DBKL telah dianugerahkan pensijilan **ISO 9001:2008** oleh SIRIM QAS pada 28 September 2009 sehingga tahun 2012.
34. DBKL juga telah menetapkan sebanyak 268 KPI berdasarkan Lima (5) Petunjuk Prestasi Utama Strategik, iaitu :-
 - 1) Mempertingkatkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat komersil dan kewangan antarabangsa,
 - 2) Mempertingkatkan persekitaran hidup,
 - 3) Mewujudkan satu struktur bandaraya efiesyen dan saksama,
 - 4) Membentuk satu identiti dan imej Bandaraya tersendiri dan;
 - 5) Mempunyai urustadbir yang cekap dan berkesan.

Antara KPI yang telah ditetapkan oleh DBKL adalah Menyiapkan Pindaan Awal Draf Pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 pada 30Mac 2010, Memastikan Aduan Mengenai Jalan Berlubang Diambil Tindakan Dalam Tempoh 3 Hari Dari Tarikh Aduan Diterima dan Memastikan 15,000 Batang Pokok Rendang Ditanam Dikawasan Yang Telah Dikenalpasti Sepanjang Tahun 2010.

35. Bagi merekodkan cara bekerja yang bersistematik dan menggambarkan secara keseluruhan operasi jabatan, penyediaan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK) turut diwajibkan kepada semua kakitangan DBKL.

Pengurusan Kewangan Yang Berkesan

36. DBKL sentiasa menekankan kepentingan Pengurusan Kewangan yang berlandaskan undang-undang dan peraturan kewangan serta menekankan kepentingan penggunaan Sistem Kewangan Berkomputer untuk menjadikan proses kerja lebih cekap dan cepat. Usaha-usaha ini akan diteruskan dengan melaksanakan Sistem Kewangan berasaskan e-PBT yang akan mula digunakan pada awal tahun 2011 bagi menggantikan sistem yang sediaada.
37. Disamping itu, bagi pengauditan ke atas projek-projek yang dilaksanakan di bawah pengurusan DBKL, DBKL telah menubuhkan sejumlah **33** Pasukan Pemeriksa dengan penglibatan 205 orang Pegawai DBKL untuk memastikan segala perancangan dan kos yang dikeluarkan adalah setimpal dengan kemajuan serta status untuk 94 projek Pembangunan, 58 aktiviti Penyelenggaraan dan 26 aktiviti Pembekalan.
38. Hasil usaha-usaha ini, DBKL dapat mengekalkan Sijil Bersih daripada Ketua Audit Negara bagi Akaun Penamat semenjak Tahun 1999 sehingga Tahun 2009.

Mempermudahkan Urusan Dengan DBKL

39. Fungsi Kerajaan Tempatan seharusnya pemudahcara bukan bersifat menyusahkan. Ke arah ini, DBKL telah memperkenalkan beberapa inisiatif. Antaranya :-

Pertama : KUL Submission

Bermula 18 Oktober 2010, DBKL telah melaksanakan KUL Submission bagi tujuan mengemukakan cadangan pembangunan secara elektronik dan membolehkan input diperolehi daripada agensi-agensi teknikal secara online. Kos menyiapkan projek ini adalah sebanyak **RM2.06** juta. Objektif KUL Submission ini adalah untuk menambahkan kecekapan dalam menilai dan memproses sesuatu permohonan, menambah keberkesanan kerja-kerja pemantauan serta memberi akses **24/7** dari mana-mana sahaj untuk hal-hal

berkenaan aktiviti pembangunan. Sistem ini juga dapat mengurangkan penggunaan kertas, menjimatkan masa dan kos penghantaran disamping menambahkan medium komunikasi formal bagi DBKL, pelanggan dan agensi teknikal yang berkaitan.

Kedua : Pusat Panggilan Setempat (Call Centre)

Mula beroperasi pada 4 Januari 2010 dan telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara. Dengan menggunakan sistem Pengaduan Awam Bersepadu (i-SPAAA) yang beroperasi secara 24jam setiap hari, aduan yang diambil telah diselaraskan melalui satu pusat sebelum disalurkan ke jabatan-jabatan berkaitan untuk tindakan. Seramai 21 petugas terlatih diletakkan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada warga kota. Semua aduan bakal diselesaikan dalam tempoh 3 hari berbanding sebelumnya iaitu seminggu hingga 14 hari.

Ketiga : e-Perumahan

Bagi menguruskan maklumat hampir **69,000** unit Perumahan Awam dan PPR secara interaktif serta dapat memudahkan pihak *stakeholder* yang terlibat, DBKL telah menyiapkan sistem ini pada tahun 2010 dengan kos berjumlah **RM2.5** juta. Modul Sistem berkaitan pendaftaran, kemasukan, penjualan rumah, rayuan, aduan, pembayaran, penyelenggaraan, inventori dan penguatkuasaan telah dibina bagi mencapai arah tersebut.

Keempat : e-Lesen

Sistem ini digunapakai bagi mempercepatkan dan mempermudah proses permohonan pelbagai jenis lesen di bawah peraturan dan undang-undang DBKL secara online bermula dari pendaftaran permohonan, siasatan dan ulasan, pengesyoran, mesyuarat jawatankuasa, keputusan permohonan sehingga pengeluaran bil lesen. Kos sebanyak **RM0.7** juta telah diperuntukan bagi tujuan ini.

Kelima : MyTempahan

Bagi memudahkan orang awam membuat tempahan secara **online**, 12 buah vanue kemudahan sukan telah dikenalpasti sebagai projek perintis untuk

diakses kepada sistem MyTempahan. Antaranya adalah Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur, Kompleks Sukan Bandar Tun Razak, Pusat Komuniti Taman Tun Dr. Ismail dan Kompleks Sukan Desa Tasik .Sistem tersebut akan diperluaskan ke kemudahan sukan yang lain pada fasa seterusnya.

Mensejahterakan Hidup Rakyat

40. Sudah lumrahnya, peranan utama Kerajaan adalah untuk membantu meningkatkan mutu dan kualiti hidup rakyat. Ini penting bagi menghasilkan kemajuan yang lebih seimbang dan dapat memantapkan pembangunan sosioekonomi secara inklusif. Antara program dan insentif yang disediakan:-

Pertama : Program Bandar Selamat

Salah satu elemen Bandar Raya Bertaraf Dunia ialah statistik kadar jenayahnya yang rendah. Bagi mengurangkan kadar jenayah keganasan dan jenayah harta benda, DBKL telah bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi melaksanakan Lima (5) Langkah Segera iaitu melibatkan aspek pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan motor, pemasangan penggera keselamatan, pemasangan cermin keselamatan dan pembersihan semak samun. DBKL turut menyelenggara 85 unit CCTV yang dipantau terus oleh PDRM di 5 Pusat Kawalan iaitu di IPK Jalan Hang Tuah (16unit), IPD Brickfield (10unit), IPD Sentul (19unit), IPD Dang Wangi (30unit) dan IPD Cheras (10unit).

Peruntukan sebanyak **RM8.0** juta disalurkan bagi memastikan peralatan dan kemudahan yang disediakan di 56 kawasan **hot-spot** yang terletak di antaranya Jalan Bukit Bintang, Brickfields, Kuchai Lama, Taman Midah, Bandar Sri Permaisuri dan Danau Kota dapat diurus dan diselenggara dengan sempurna.

Kedua : Mewujudkan Komuniti Harmoni

Bagi merealisasikan wawasan kebangsaan, program '**Komuniti Harmoni 1Malaysia**' turut dirancang. Ke arah ini, sejumlah **RM5.75** juta diperuntukan untuk warga kota Kuala Lumpur. Ini termasuklah program khas komuniti, aktiviti

pembangunan sosial dan aktiviti gotong royong. Tidak ketinggalan bagi golongan remaja, sebanyak 36 siri motivasi disediakan, warga emas pula sebanyak 24 siri dan untuk memotivasikan golongan miskin serta ibu tunggal pula disediakan 10 siri program.

Peruntukan sebanyak **RM0.1** juta juga disediakan bagi membiayai 'Seminar Persatuan Penduduk' yang akan dihadiri oleh wakil-wakil persatuan penduduk di sekitar Kuala Lumpur, ini bertujuan untuk meningkatkan komunikasi 2 hala di antara DBKL dan wakil-wakil berkenaan.

DBKL memperuntukan sejumlah **RM2.50** juta bagi membekalkan peralatan dan perkakasan kemudahan masyarakat seperti khemah, sistem siaraya, kerusi/meja dan peralatan komputer.

Tidak ketinggalan, bagi memeriahkan lagi sambutan tiga (3) Perayaan Utama di Malaysia, DBKL akan memperuntukan sebanyak **RM0.7** juta bagi memberi bantuan kepada golongan yang tidak bernasib baik.

Ketiga : Mengutamakan Program Pendidikan

DBKL turut menyediakan peruntukan sebanyak **RM3.4** juta bagi program-program berbentuk pendidikan awal dan sekolah seperti Program Sang Kancil, Pusat Bimbingan Pelajar dan Program Kelas Tuisyen.

Untuk golongan Penjaja Kecil pula, seramai 2,000 peserta akan dipilih bagi menyertai kursus keusahawanan. Perkara berkaitan aspek mengendalikan perniagaan seperti pengurusan kos, kaedah menarik lebih ramai pelanggan dan penjagaan kebersihan akan diberi tunjuk ajar kepada peserta-peserta berkenaan. Ini diharap dapat membantu meningkatkan lagi ekonomi para penjaja kecil di Kuala Lumpur.

Keempat : Menghargai Peranan Badan Bukan Kerajaan Dan Kegiatan Sukan

Sejumlah **RM3.0** juta diperuntukan bagi tujuan sumbangan kepada badan-badan bukan kerajaan dan badan sosial bagi membantu persatuan-persatuan kebajikan, sosial, kesenian, dan kemasyarakatan untuk melaksanakan aktiviti-aktivitinya. Sementara itu, sejumlah **RM1.7** juta turut diperuntukan kepada

badan-badan sukan di Kuala Lumpur untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka.

Bagi golongan remaja pula, program '**Futsal Remaja 1Malaysia**' sempena cuti sekolah juga akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM165,000** di 11 kawasan Parlimen Kuala Lumpur.

Kelima : Kawalan Penyakit Berjangkit & Kawalan Vektor

Selain memastikan warga kotanya berada dalam persekitaran yang bersih dan cantik, DBKL pada masa yang sama turut mengambil berat hal berkaitan penjagaan kesihatan yang berkait dengan masalah penyakit yang berpunca dari bawaan vektor seperti nyamuk dan tikus. Untuk itu, DBKL telah memperuntukan sebanyak **RM5.0** juta pada tahun 2011.

Keenam : Pengurusan Tanah Perkuburan dan Krematorium

DBKL turut berperanan untuk memastikan tanah-tanah perkuburan dapat diuruskan dengan baik. Sejumlah **RM0.6** juta telah diperuntukan bagi tujuan ini. Disamping itu, bagi kos pengurusan dan penyelenggaraan Krematorium sebanyak **RM0.9** juta turut diperuntukan.

Penguatkuasaan Berhemah, Adil Dan Mesra Rakyat

41. Dalam memastikan keselesaan dan keselamatan orang awam, DBKL akan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan khususnya yang melibatkan kesalahan trafik, kebersihan tempat awam, kebenaran perancangan dan pembangunan, kawalan vektor dan kawalan kerja tanah.
42. Ini adalah selaras dengan pengisytiharan ***Tahun 2011 : Tahun Penguatkuasaan*** oleh Y.B. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Namun begitu, semua tindakan penguatkuasaan yang dijalankan tidak sesekali mengabaikan kepentingan dan kemudahan orang awam.
43. DBKL pada tahun 2011 juga merancang untuk membuka satu Depoh Tunda yang menempatkan kenderaan yang ditunda kerana kesalahan trafik di setiap

kawasan Parlimen. Ini bagi memudahkan pesalah berkeenaan membuat tuntutan dan menjelaskan kompaun kesalahan yang dilakukan.

44. DBKL juga sedang mempertingkatkan sistem penguatkuasaan secara berkomputer. Sistem ini akan memudahkan orang ramai untuk melakukan semakan dan seterusnya melakukan pembayaran kompaun di kaunter-kaunter yang disediakan.
45. Dengan **Penguatkuasaan Bersepadu** di antara DBKL dan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Pos Malaysia pada tahun 2011, dijangkakan langkah menyenaraihitamkan (**blacklist**) kenderaan yang melakukan kesalahan lalulintas ini dapat menimbulkan perasaan '**fear-factor**' dan memberikan kesedaran kepada orang awam mengenai pentingnya mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.
46. Dalam usaha mempertingkatkan kawalan keselamatan khususnya di taman-taman awam serta harta benda milik Datuk Bandar, tugas kawalan keselamatan oleh syarikat kawalan keselamatan swasta akan diambilalih oleh DBKL iaitu dengan menempatkan Pengawal Keselamatan yang terdiri dari kakitangan DBKL sendiri.
47. Ini akan dapat meningkatkan keberkesanan kawalan keselamatan terhadap aset-aset DBKL serta memudahkan proses pemantauan. Pengambilalihan ini dijangka dapat memberi penjimatan sebanyak **RM3.0**juta hingga **RM4.0** juta setahun daripada kos kontrak kawalan keselamatan sebelum ini.
48. Selain dari itu, tindakan penguatkuasaan akan dilakukan dengan lebih kerap kepada mana-mana pemilik premis yang telah melakukan kerja-kerja pengubahsuaian tanpa memperoleh kebenaran DBKL terlebih dahulu.

STRATEGI KEDUA : MEMPERTINGKATKAN KEBERSIHAN BANDAR

49. DBKL prihatin terhadap isu kebersihan di Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam hal ini, aspek kebersihan adalah kunci utama bagi menjadikan DBKL sebaris dengan bandar-bandar utama di dunia. Keseluruhan peruntukan bagi mempertingkatkan kebersihan bandar yang disediakan adalah sebanyak **RM200.14** juta, peningkatan **3.7%** dari tahun 2010.
50. Peruntukan sebanyak **RM124.0** juta telah disediakan bagi tujuan bayaran kontrak kepada Tetuan Alam Flora Sdn Bhd. Bagi memantau dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pembersihan bandar, DBKL telah melaksanakan penetapan jadual kerja dan KPI bagi Tahap Perkhidmatan (***service level***). Antara pengukuran yang diambil kira ialah dari segi kerja-kerja pungutan sampah dan pembersihan jalan serta longkang.
51. Disamping itu, DBKL juga memperuntukan sebanyak **RM68.73** juta untuk program pemindahan sampah di Taman Beringin dan pelupusan sampah di Bukit Tagar Sanitary Landfills. Dianggarkan sejumlah 3,000 tan sisa domestik dan sisa pukat perlu diuruskan oleh DBKL pada setiap hari.
52. DBKL juga akan memohon peruntukan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menaiktaraf kemudahan logistik Stesen Pemindahan Sampah di Taman Beringin. Antaranya adalah pembelian lori pengangkutan sampah (kontena) baru bagi menggantikan lori yang telah uzur dan ***'lechte treatment plant'***.
53. Bagi memberi keselesaan kepada orang awam yang melalui siar kaki di Kuala Lumpur, peruntukan sebanyak **RM7.35** juta disediakan bagi tujuan pembersihan.

STRATEGI KETIGA : MEMPERKASAKAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR JALAN, SALIRAN DAN KEMUDAHAN AWAM

54. Untuk mengekalkan perkhidmatan perbandaran yang boleh memberikan keselesaan kepada wargakotanya, DBKL pada tahun 2011 akan melipatgandakan usaha mempertingkatkan penyelenggaraan infrastruktur jalan raya, saliran dan kemudahan awam.
55. Bagi menyelesaikan kes aduan awam berkaitan dengan kerosakan jalan raya, longkang dan siarkaki yang berkategori *minor*, DBKL akan memperuntukkan sebanyak **RM0.4** juta disetiap 11 kawasan Parlimen Kuala Lumpur. Ini akan memudahkan Kontraktor Kelas F yang dilantik dapat menyelesaikan masalah aduan tersebut dalam tempoh masa yang lebih pendek.
56. Berikut adalah program-program yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2011:-

Infrastruktur dan Kemudahan Jalan Raya

57. Bagi tujuan menyediakan kualiti jalanraya yang baik dan memberi keselesaan perjalanan kepada pengguna-pengguna warga kota, **DBKL akan melaksanakan 3 kaedah penyelenggaraan, iaitu:-**
 - i. Jalan-jalan yang perlu diselenggara keseluruhannya, dikategorikan sebagai satu projek yang memerlukan tawaran terbuka dibuat.
 - ii. Jalan-jalan yang terlibat dengan kerosakan skala sederhana diselenggara oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik dengan tempoh dan had siling melalui tawaran terbuka.
 - iii. Untuk kerja-kerja penyelenggaraan berskala kecil iaitu menampal lubang-lubang dipermukaan jalan, kontraktor-kontraktor akan dilantik melalui kerja undi.
58. Bagi tahun 2011, DBKL akan memperuntukkan sebanyak **RM371.45** juta di mana **RM117.7** juta di bawah peruntukan mengurus dan sejumlah **RM253.75** juta bagi peruntukan pembangunan.

59. Peruntukan penyelenggaraan Jalan Raya meningkat sebanyak **239.0%**, berbanding peruntukan tahun 2010. Dalam tahun 2011 sejumlah **RM97.70** juta diperuntukan untuk kerja-kerja pengisaran dan penurapan semula jalan-jalan utama, jalan-jalan kawasan perumahan dan lorong sisi/belakang diseluruh Kuala Lumpur. Ini termasuk peruntukan sebanyak **RM29.5** juta bagi kerja-kerja penurapan semula 33 batang Jalan Utama sepanjang **118.71** km.
60. Bagi kerja-kerja membaikpulih jalan serta longkang pula, sebanyak **RM17.0** juta diperuntukan bagi 11 kawasan Parlimen.
61. Sejumlah **RM253.75** juta diperuntukan bagi **28** projek disasarkan untuk kesejahteraan semua peringkat pengguna akan dilaksanakan diantaranya ialah naiktaraf jalan, lorong bas, kemudahan OKU dan siar kaki. Ini termasuk menyiapkan **20** projek sambungan 2010 dan melaksanakan **8** projek baru.
62. DBKL turut menyediakan jalan-jalan penghubung (missing links) sebagai alternatif kepada pengguna-pengguna. Dengan itu, lima (5) projek baru berjumlah **RM44.0** juta disediakan bagi tujuan pembiayaan bersama pemaju untuk membina jambatan merentangi Jalan Kuching ke Jalan Mastiara, melaksanakan satu (1) projek pembinaan jalan sambungan di Jalan Tumbuhan ke Persiaran Pertahan, dua (2) projek naiktaraf jalan keluar masuk dan satu (1) projek menaiktaraf laluan pejalan kaki serta menaiktaraf Jalan Raja di Dataran Merdeka. Manakala sejumlah **RM48.75** juta diperuntukan untuk menyiapkan sembilan (9) projek sambungan dan sejumlah **RM9.0** juta diperuntukan menyiapkan lima (5) projek sambungan RMKe-9.
63. Sementara itu, dibawah RMKe-10 sebanyak **RM115.0** juta disediakan untuk melaksanakan enam (6) projek sambungan dan bakinya **RM37.0** juta adalah untuk melaksanakan tiga (3) projek baru.

Penyelenggaraan Lampu Jalan

64. Dengan mementingkan konsep Bandar Selamat dan Bandaraya Taman Bercahaya, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa cerah bercahaya dan ini seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap

keselamatan pengguna jalanraya. Sejumlah **RM43.6**juta disediakan bagi penyelenggaraan **37,000** lampu *lentera* untuk lampu jalan, lampu hiasan, lampu limpah dan bayaran bil elektrik.

65. Pemasangan lampu-lampu hiasan di kawasan tumpuan orang ramai dan pelancong juga akan diberi perhatian oleh DBKL. Antara kawasan yang telah dikenalpasti adalah di Dataran Merdeka, Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja Abdullah Kg.Baru, Jalan Tuaku Abdul Rahman dan Jalan Petaling.
66. Peruntukan ini juga termasuklah sebanyak **RM10.0** juta bagi menyediakan lampu hiasan bagi memeriahkan sesuatu jenis perayaan utama seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Krismas dan juga untuk peristiwa khas seperti Hari Wilayah Persekutuan, Hari Kebangsaan dan Formula One.

Penyelenggaraan Sistem Lalulintas, Pengangkutan Awam dan Tempat Letak Kereta Bertingkat

67. Sejumlah **RM189.75** juta disediakan bagi meningkatkan lagi kemudahan dan penyelenggaraan Sistem Lalulintas, Pengangkutan Awam dan Tempat Letak Kereta Bertingkat. Dimana sejumlah **RM89.0** juta dibawah peruntukan mengurus dan **RM100.75** juta disediakan bagi peruntukan pembangunan.
68. Perkara yang diambil kira dalam peruntukan mengurus termasuklah penyelenggaraan dan operasi ITIS sebanyak **RM27.0** juta dan penyelenggaraan lampu-lampu isyarat sebanyak **RM12.5** juta.
69. Bagi menambak tahap keselamatan pengguna jalanraya, pemasangan pagar keselamatan dan kerja-kerja membaiki lokasi merbahaya di jalan sekitar Kuala Lumpur sejumlah **RM8.0** juta turut disediakan. Disamping itu **RM12.5** juta disediakan bagi tujuan penyelenggaraan CCTV, papan tanda dan pembinaan bonggol.
70. Salah satu usaha untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam ialah dengan menyediakan kemudahan '*park&ride*'. Projek di bawah program NKRA ini akan melibatkan kos pembinaan sebanyak

RM36.0 juta. Untuk tujuan ini, sebanyak **RM20.5** juta disediakan dalam tahun 2011 bagi pembangunan kemudahan tersebut secara berperingkat di Pekan Sungai Besi dan Bandar Tasik Selatan. Kemudahan ini boleh menampung keperluan meletakkan 1,000 buah kenderaan dalam satu-satu masa.

71. Selain daripada itu, kemudahan sedia ada bagi pengguna perkhidmatan pengangkutan awam seperti ruang menunggu teksi, bas, bas sekolah, kemudahan pejalan kaki dan membina lorong khas, sejumlah **RM10.25** juta telah diperuntukan bagi tujuan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan tersebut.
72. Sejumlah **RM18.5** juta juga diperuntukkan bagi tujuan operasi Sistem Letak Kereta Elektronik (SLKE) di sekitar Kuala Lumpur.
73. Disamping itu, DBKL di bawah RMKe-10 diperuntukan sebanyak **RM3.45** juta untuk memudahkan pejalan kaki melintasi jalan raya secara selamat dengan membina beberapa jejantas termasuk jejantas di Puduraya dengan peruntukan **RM2.3** juta.
74. DBKL turut menyelaraskan projek '**Pedestrian Linkages**' bernilai **RM15.0** juta iaitu laluan pejalan kaki berbumbung dari bangunan ke bangunan di Pusat Bandar Kuala Lumpur yang akan dibiayai oleh sektor swasta dan agensi kerajaan lain seperti Petronas . Projek ini akan mempertingkatkan persekitaran yang selesa dan selamat bagi pejalan kaki tanpa risau cuaca panas dan hujan.
75. DBKL juga melaksanakan projek kerajaan di bawah program NKRA melalui projek menaiktaraf Hentian Bas Putra dan Pasarama Kota dengan kos **RM10.0** juta dimana sejumlah **RM8.3** juta akan dibelanjakan dalam tahun 2011. Selain daripada itu juga, hentian akhir bandar untuk bas henti-henti akan dibina dengan kos **RM15.0** juta, dimana dianggarkan sebanyak **RM13.3** juta akan diperuntukan dalam 2011. Projek-projek ini akan membantu usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan tahap penggunaan pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur.
76. Bagi menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta terutamanya di kawasan penduduk yang berkepadatan tinggi, DBKL merancang melaksanakan

5 projek Tempat Letak Kereta Bertingkat iaitu di Bandar Baru Seri Petaling, Jalan Semantan 2, Bandar Tun Razak, Taman Segar dan Jalan Yap Kwang Seng secara berperingkat mulai tahun 2011 dengan peruntukan sebanyak **RM13.3** juta untuk dibelanjakan. Kos keseluruhan menyiapkan 5 projek ini dianggarkan sebanyak **RM56.0** juta.

77. DBKL turut menyediakan peruntukan sebanyak **RM3.0** juta bagi menambahkan bilangan petak kenderaan di kawasan komersil dan disekitar taman-taman.

Penyelenggaraan Sungai dan Tebatan Banjir

78. DBKL menyediakan peruntukan sebanyak **RM58.66** juta bagi menjalankan program penyelenggaraan, pembersihan parit dan sungai serta tebatan banjir. Antara program tersebut termasuklah menaiktaraf kolam, meningkatkan sistem perparitan, penyelenggaraan perangkap sampah, mempertingkatkan tebing sungai, pembinaan kalbat, pembinaan rumah pam dan membina kolam takungan air.
79. Usaha-usaha bagi penyelenggaraan sungai juga telah diletakkan di bawah Program ***River of Life - Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*** melalui peruntukan khas sebanyak **RM17.0** juta.
80. Program tebatan banjir dengan peruntukan sebanyak **RM23.8** juta juga disediakan untuk menyiapkan 9 program tebatan banjir yang menelan belanja keseluruhan sebanyak **RM131.7** juta.
81. Kolam-kolam takungan banjir yang dibina oleh DBKL mempunyai elemen-elemen rekreasi termasuk dalam rekabentuk bagi membolehkan warga kota Kuala Lumpur dapat menikmati kegunaan kolam-kolam ini sebagai salah satu kawasan riadah seperti siarkaki/trek jogging/trek basikal di sekeliling kolam, pemasangan lampu-lampu, pemasangan stesen-stesen seniman, taman permainan kanak-kanak dan wakaf.
82. Berikut adalah sebahagian dari 11 kolam takungan banjir dari 6 kawasan Parlimen yang diselenggara oleh DBKL iaitu Lorong Maarof (Bangsar),

Universiti Malaya, Kg. Bohol (Dalam Pembinaan), Kg. Cheras Baru, Ampang Hilir, Kg. Boyan dan Danau Kota.

Penyelenggaraan dan Penyediaan Pasar dan Pusat Penjaja

83. DBKL telah memperuntukan sejumlah **RM42.0**juta. Ini termasuklah peruntukan penyelenggaraan sebanyak **RM10.67** juta bagi 52 Pasar Berbangunan dan Pusat Penjaja.
84. Ini termasuklah program bagi menaiktaraf pasar-pasar di Kuala Lumpur. Kerja-kerja telah bermula pada tahun 2010 dengan mengecat Pasar Taman Cheras dan menggantikan bumbung di Pasar Jalan Ikan Emas, Cheras. Dalam tahun 2011 sebanyak **RM2.5** juta telah diperuntukkan untuk meneruskan kerja-kerja menaiktaraf pasar bagi keselesaan peniaga dan juga pelanggan. Sebanyak 13 pasar telah dikenalpasti untuk dinaiktaraf antaranya adalah Pasar Jalan Air Panas, Pasar Jalan Genting Klang, Pasar Jalan Raja Bot, Pasar Sg. Besi, Pasar Pudu dan Pasar Seksyen 2 Wangsa Maju.
85. Bagi mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil, walaupun pada masa yang sama anggaran hasil yang diterima dari penyewaan tapak-tapak sedia ada milik DBKL hanyalah **RM18.0** juta setahun, DBKL akan memperuntukan sejumlah **RM31.33**juta untuk bayaran kemajuan di 17 pusat penjaja di Kuala Lumpur, termasuk 6 projek yang dijangka siap dalam tahun 2011. Antaraprojek yang dijangka siap dalam tahun 2011 adalah Pusat Penjaja Air Panas, Pusat Penjaja Desa Pandan dan Pusat Penjaja Jalan Rejang. Ini selari dengan matlamat untuk menyediakan dan menempatkan 10,000 penjaja dalam bangunan menjelang tahun 2020.

Bangunan Kemudahan Awam

86. Bagi mengurus dan menyelenggara 117 venue kemudahan sukan dan dewan orang ramai yang disediakan untuk kemudahan wargakota, DBKL telah memperuntukan **RM4.25** juta pada tahun 2011, peningkatan sebanyak **13.3%** berbanding tahun 2010. Antara kemudahan yang telah disediakan sehingga

tahun 2010 adalah seperti berikut :- 4 buah Stadium, 10 Pusat Komuniti, 27 Padang Bola Sepak, 32 Gelanggang Badminton, 13 Gimnasium, 17 Gelanggang Futsal dan 20 Dewan Serbaguna.

87. Bagi meningkatkan kebersihantandas awam di 58 lokasi sekitar Kuala Lumpur, DBKL telah memperuntukan sebanyak **RM5.29** juta, peningkatan sebanyak **60.8%** berbanding tahun 2010 (**RM3.29** juta). Sementara itu, peruntukan bagi penyelenggaraan tandas di 117 vanue sukan pula adalah sebanyak **RM0.1** juta, peningkatan sebanyak **100%** berbanding tahun 2010 (**RM0.05** juta). Manakala untuk tandas di 52 Pasar Berbangunan dan Pusat Penjaja, ia akan diselenggara oleh pihak Alam Flora Sdn Bhd.
88. DBKL telah memperuntukan **RM13.17** juta bagi melaksanakan dan menyiapkan projek pembangunan secara berperingkat. Ini termasuklah pembangunan dewan serta surau di Pusat Komuniti PPR Sri Semarak (**RM3.5** juta). DBKL turut melaksanakan projek-projek di Pusat Komuniti Kg. Batu Muda (**RM3.7** juta) dan Pusat Komuniti Bersepadu (**RM1.0** juta).

STRATEGI KEEMPAT : MENGUTAMAKAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN AWAM/RUMAH JUAL

89. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menguruskan sebanyak **69,178** unit rumah sewa dan rumah jual. Dijangkakan sejumlah **3,792** unit rumah PPR yang akan siap dibina pada tahun hadapan akan diserahkan kepada DBKL oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
90. Untuk makluman semua, pada tahun 2011 hadapan, DBKL akan memperuntukan sebanyak **RM81.81** juta bagi tujuan penyelenggaraan dan **RM 51.5** juta bagi tujuan pembangunan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, manakala anggaran hasil yang diterima dari penyewaan perumahan ini adalah sebanyak **RM81.59** juta.

91. Walaupun DBKL telah menjual sebahagian perumahan awam bermula tahun 2010, DBKL masih lagi berperanan sebagai wakil dalam **Management Corporation** (MC) bagi unit-unit yang masih belum dijual.
92. Untuk itu, DBKL telah memperuntukan sebanyak **RM22.8** juta untuk tujuan yuran pengurusan (MC) dan turut menyediakan **RM59.0** juta bagi tujuan penyelenggaraan perumahan awam seperti lif, mesin dan kontrak pembersihan yang masih dibawah pengurusan DBKL.
93. Sebanyak **RM8.0** juta pula diperuntukan bagi melaksanakan kerja-kerja ukur bagi hak milik strata perumahan, dan **RM1.5** juta untuk melaksanakan projek-projek kecil serta menyediakan kemudahan OKU. Bagi kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih perumahan Awam dan PPR, sejumlah **RM20.0** juta diperuntukan dalam tahun 2011.
94. Sementara itu, DBKL juga merancang untuk membina 4 projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah dengan jumlah unit keseluruhan sebanyak **1,984**. Dijangkakan kos menyiapkan projek ini adalah sebanyak **RM301.0 juta** dan di mana pada tahun 2011, peruntukan sebanyak **RM27.0** juta telah disediakan.
95. Antara empat (4) kawasan yang telah dikenalpasti adalah Kg.Wira Jaya di Setapak (544 unit), Kg. India Settlement di Kg. Pandan (480 unit), Sg.Udang di Segambut (560 unit) dan Setia Jaya di Setapak (400 unit).
96. Selaras dengan objektif Kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah dan membolehkan rakyatnya menikmati taraf hidup yang lebih selesa, sehingga Oktober 2010, sebanyak **2,102** unit telah berjaya dijual. Ini adalah sebahagian dari keseluruhan **44,146** unit Perumahan Awam DBKL dan Program Perumahan Rakyat (PPR MTEN) yang telah ditawarkan kepada orang awam.
97. DBKL bersama Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar akan bekerjasama dengan 9 Institusi Kewangan bagi tujuan membolehkan bakal pembeli membeli rumah tersebut. Antara Institusi Kewangan yang terlibat

adalah BSN, Bank Islam, Bank Rakyat, Alliance Bank, RHB Bank, Deutch Bank, dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

STRATEGI KELIMA : MEMPERGIATKAN PROGRAM PENGHIJAUAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN-TAMAN AWAM

98. Aspek alam sekitar memainkan peranan penting bagi mengimbangi kepesatan hutan konkrit di sekitar Kuala Lumpur. Usaha untuk menghijaukan Bandaraya ini boleh dilaksanakan dengan menerapkan elemen landskap pada susunatur di semua taman awam, rangkaian kemudahan jalanraya dan tanah lapang. Ini akan merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari menjelang tahun 2020.
99. Untuk itu, sejumlah **RM198.25** juta disediakan bagi membiayai program penghijauan dan juga penyelenggaraan taman-taman awam di seluruh Kuala Lumpur. Peruntukan mengurus adalah sebanyak **RM97.25** juta manakala **RM101.0** juta di bawah peruntukan pembangunan.
100. Peruntukan mengurus sebanyak **RM97.25** juta ini adalah bagi aktiviti pengindahan dan penyelenggaraan 3 taman utama, 18 taman awam, taman-taman ditebing sungai dan kolam takungan, tanah lapang, penyelenggaraan sistem pancutan air dan nurseri pokok milik DBKL. Jumlah ini termasuk **RM25.2** juta bagi tujuan pemotongan rumput.
101. Penyelenggaraan pokok dan bunga-bunga pula diperuntukan **RM14.25** juta manakala penyelenggaraan sistem pancutan air juga diberikan sebanyak **RM2.25** juta.
102. Dibawah peruntukan pembangunan, disediakan **RM101.0** juta untuk tujuan penghijauan. Dimana sejumlah **RM25.0** juta diperuntukan untuk penanaman 25,000 pokok bersaiz **heavy standard** (minima: tinggi 15 mtr, diameter 8-10 inci) di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan **RM10.0** juta untuk penanaman pokok di sepanjang jalan termasuk dipembahagi jalan.

103. Bagi melengkapkan pembangunan Taman Botani yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri sebagai produk terbaru pelancongan di Kuala Lumpur pada tahun 2011, DBKL akan memperuntukan sebanyak **RM14.0** juta.
104. Sementara baki **RM52.0** juta akan digunakan bagi tujuan menaiktaraf taman-taman sedia ada dengan menaiktaraf laluan pejalan kaki, membina 10 tapak futsal, membina pancutan air di Bulatan Kg. Pandan, menyediakan kemudahan OKU di taman-taman awam.

D. PERUNTUKAN BAJET 2011

105. DBKL komited untuk melaksanakan strategi dan langkah yang telah dibentangkan, maka sejumlah **RM2.0** billion diperuntukan bagi Bajet 2011 iaitu berkurang sebanyak **5.3%** berbanding peruntukan tahun 2010. Daripada jumlah itu, **RM1.27** billion adalah bagi perbelanjaan mengurus (**63%**). Manakala, **RM0.73** billion diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan (**37%**).
106. Di bawah peruntukan mengurus, **RM0.32** billion adalah bagi peruntukan Emolumen, **RM39.27** juta disediakan bagi Bayaran Lebih Masa, **RM0.85** billion bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan. Sejumlah **RM6.13** juta turut disediakan bagi pembelian dan penggantian aset. Manakala **RM25.33** juta diperuntukan bagi Pemberian & Kenaan Tetap dan bakinya **RM18.99** juta adalah bagi Perbelanjaan Lain-Lain. Peruntukan Mengurus ini telah meningkat sebanyak **15.40%** berbanding Peruntukan Mengurus tahun 2010.
107. Di bawah peruntukan pembangunan pula, sebanyak **RM0.38** billion diperuntukkan bagi melaksanakan projek pembangunan DBKL, **RM0.22** billion diperuntukkan bagi RMKe-10, **RM23.81** juta bagi program khas tebatan banjir dan **RM20.57** juta bagi peruntukan khas perumahan. Seterusnya, **RM44.10** juta diperuntukan bagi projek NKRA iaitu '**Park & Ride**' dan Hentian Bas, **RM17.0** juta bagi kerja-kerja pembersihan sungai di bawah program **Greater KL/Klang Valley** dan **RM15.0** juta bagi projek laluan pejalan kaki berbumbung yang disumbangkan oleh Petronas.

108. Peruntukan di bawah peruntukan pembangunan ini telah menurun sebanyak **28.0%** berbanding peruntukan tahun 2010 iaitu sebanyak **RM1.0**billion.

109. Berikut adalah pecahan peruntukan pembangunan berdasarkan bilangan projek mengikut 11 kawasan Parlimen :-

Parlimen	Peruntukan Bajet 2010		Peruntukan Bajet 2011	
	Bil	RM	Bil	RM
Bandar Tun Razak	27	79,242,119	12	39,430,000
Batu	23	61,960,016	13	31,154,000
Bukit Bintang	24	240,601,754	23	97,040,000
Cheras	20	89,139,030	9	36,833,000
Kepong	9	9,203,970	11	9,773,600
Lembah Pantai	10	29,519,360	7	52,430,000
Segambut	13	29,604,045	13	63,730,000
Seputeh	6	3,027,638	3	8,000,000
Setiawangsa	15	19,242,300	5	11,540,000
Titiwangsa	23	69,116,848	20	52,100,000
Wangsa Maju	21	68,106,080	8	24,100,000
Keseluruhan Kuala Lumpur*	70	259,815,320	58	260,615,000
Bangunan Pejabat DBKL	11	27,428,000	5	17,030,000
JUMLAH	272	986,006,480	187	703,775,600

110. Dengan mengambilkira sumber bagi melaksanakan projek-projek di atas, sebanyak **53%** akan dibiayai oleh sumber kewangan DBKL sendiri, manakala selebihnya iaitu **47.0%** lagi akan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Pusat dan Swasta.

111. Dari segi kutipan hasil DBKL bagi tahun 2011, jumlahnya dianggarkan berkurang kepada **RM1.327** billion berbanding **RM1.647** billion dalam tahun 2010, iaitu pengurangan sebanyak **19.4%**. Seperti bajet 2010, sumber hasil 2011 masih dari sumber yang sama. Cukai Taksiran berjumlah **RM783.68** juta merupakan hasil utama yang menyumbang sebanyak **59.0%** hasil keseluruhan DBKL.

112. Ini termasuklah dengan bantuan daripada Kerajaan Pusat dalam bentuk geran berjumlah **RM85.0** juta iaitu geran Penyelenggaraan Jalan Raya (MARRIS) berjumlah **RM30.0** juta dan **RM55.0** juta daripada Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar.

E. PENUTUP DAN RUMUSAN

113. Secara keseluruhannya Bajet 2011 adalah merupakan belanjawan **surplus** dimana DBKL dianggarkan mempunyai lebih sebanyak **RM54.89** juta setelah mengambil kira perbelanjaan operasi (Anggaran Hasil – Anggaran Perbelanjaan Mengurus) untuk disalurkan ke Perbelanjaan Pembangunan.
114. Walaubagaimanapun dengan mengambil kira Perbelanjaan Pembangunan sebanyak **RM734,255,600**, dijangka bajet 2011 akan mengalami **defisit**. Namun ia boleh dibiayai setelah mengambil kira penggunaan rizab/simpanan pembangunan DBKL sebanyak **RM334.87** juta, bantuan Kerajaan Pusat serta Swasta sebanyak **RM344.48** juta dan termasuklah lebih tahun semasa 2011 iaitu sebanyak **RM54.89** juta.
115. Melalui program-program yang akan dilaksanakan, DBKL akan menumpukan segala usaha dan tenaga bagi merealisasikan pencapaiannya dalam tempoh tahun hadapan.
116. Ini bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada wargakota Kuala Lumpur dan pelanggannya.
117. Perbelanjaan yang berhemat dan memastikan projek-projek yang dijalankan mengikut spesifikasi dan jadual akan membantu mengurangkan pembaziran serta dapat meningkatkan akauntabiliti dan intergriti dalam pengurusan kewangan DBKL.
118. Berasaskan kepada agihan-agihan peruntukan di atas dijangkakan program dibawah peruntukan operasi dan projek-projek pembangunan dapat mencapai objektif DBKL dan Visi menjadi 'Bandaraya Bertaraf Dunia' serta Visi Wilayah Persekutuan 'Maju dan Sejahtera'.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Assalamualaikum dan terima kasih.